19 "Tolong cari seorang tabib yang handal kerana ________ sedang gering," kata Datuk Bendahara Kelana kepada Panglima Awang.

A beta
B beliau
C hamba
D baginda

20 "Mahukah ________ ikut aku pergi memancing ikan di sungai pada petang ini?" tanya Nazri kepada Aziz.

A saya
B beta
C engkau
D tuan hamba

21 Anita dan ahli keluarga ________ akan pulang ke Kedah untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

A aku
B kita
C -nya
D kami

22 "Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ialah isteri ________," kata Khaleeda kepada kawannya mengenai Perdana Menteri Malaysia yang kesepuluh.

A baginda
B beliau
C -nya
D dia

23 "Cikgu, ________ tidak dapat menjalani latihan bola baling pada petang ini kerana perlu menjaga adik-adik," kata Suraya kepada Cikgu Halim.

A hamba
B patik
C saya
D kita

24 "________ mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tinggi," kata Leela, Amna, dan Asyikin kepada rakan yang baru dikenali oleh ________.

A Kami … mereka
B Kita … mereka
C Saya … awak
D Kita … kami

25 "________ hendak menyertai Persatuan Pengakap atau Persatuan Bulan Sabit Merah?" tanya Hakim kepada Zaqwan.

A Kita
B Mereka
C Awak
D Saya

Soalan 26 berdasarkan gambar di bawah.



26 "________ hendaklah berusaha keras dari sekarang jika ingin mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan yang akan datang," nasihat Cikgu Norizan kepada para muridnya.

A Mu
B Awak
C Kalian
D Engkau

27 "________ datang menghadap, tuanku," sembah Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Mansur Syah.

A Patik
B Anda
C Kami
D Kita

28 Zizan dan Khai sedang berbincang ________ hala tuju syarikat mereka pada masa hadapan.

A akan
B pada
C dengan
D tentang

29 Ayuni akan pergi ke rumah kakaknya ________ kawan-kawannya pada petang nanti.

A daripada
B dengan
C pada
D oleh

30 Khairul memberikan sebatang pen sebagai hadiah ________ Cikgu Norlia sempena sambutan Hari Guru baru-baru ini.

A bagi
B pada
C dengan
D kepada

31 Para pelancong ________ Eropah itu amat suka ________ keenakan rasa buah manggis.

A dari … akan
B dari … kepada
C pada … kepada
D daripada … akan

32 ________ petang esok, Ketua Menteri Sabah akan menyampaikan ucapan ________ dalam majlis rumah terbuka Pesta Kaamatan.

A Dari … dia
B Pada … dia
C Di … baginda
D Pada … beliau


LIVEWORKSHEETS